

12/09/1999

Badan tetap pakar pendidikan perlu ditubuh

INSTITUSI, amalan dan program pendidikan negara memerlukan penjuruteraan serta penstrukturan semula bagi memperkukuhkan budaya pendidikan pada alaf baru.

Serentak itu, institusi, amalan dan program pendidikan wajib membina data menerusi penyelidikan, maklum balas (pemantauan) serta kaji semula (pemikiran semula).

Kerajaan juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Tetap Pakar Pendidikan dengan agenda dan pertemuan berkala ditetapkan, selain memperbanyak pelantikan guru pakar mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Teknologi Maklumat.

Jika perlu, kerajaan mesti mengkaji kemungkinan mewujudkan dua kementerian untuk pendidikan, selain menggalakkan pengabungan kolej swasta kecil Bumiputera.

Resolusi itu diluluskan dalam Bengkel 2 bertemakan 'Pembangunan pendidikan dan guna tenaga bagi memenuhi agenda Bumiputera' di Kongres Ekonomi Bumiputera keempat yang berakhir, semalam.

Bilangan sekolah berasrama penuh juga mesti diperbanyakkan, selain meningkatkan bilangan serta kualiti pelajar Bumiputera di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini.

Menurut resolusi itu, Bumiputera harus bertingkatkan ilmu dan kemahiran, selain mengiktiraf pendidikan alat terpenting menyelamatkan Bumiputera pada alaf baru.

Bengkel berkenaan juga sebulat suara menetapkan motivasi dalam pendidikan berfungsi untuk melahirkan pelajar Bumiputera mencapai keputusan cemerlang (over-achiever) dalam pembelajaran.

Ia sekali gus menganjukkan pelajar Bumiputera daripada status pelajar lemah (under-achiever) seperti disuara dan membimbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)